

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN
ISMAIL
[PAYA BESAR]**

NO. SOALAN : 74

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) pembabitan usahawan dalam Karnival Usahawan Desa yang dianjurkan sejak 2006; dan
- (b) peningkatan transaksi jualan langsung, nilai tempahan dan jaringan perniagaan yang telah direkodkan termasuklah nilai potensi perniagaan sejak 2006 hingga 2016.

JAWAPAN:

(a) Program Karnival Usahawan Desa (KUD) adalah penting kerana ia merupakan program sokongan bagi aktiviti perniagaan khususnya di kalangan usahawan Bumiputera. Malah ia merupakan satu inisiatif untuk mengangkat martabat produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sektor perniagaan luar bandar bagi meningkatkan akses kepada pasaran tempatan.

KUD dirancang dengan objektif seperti berikut:

- i) memperkenalkan, mempromosi dan memperluaskan akses pasaran serta memartabatkan produk dan perkhidmatan luar bandar;
- ii) meneroka peluang pasaran baru dan lebih besar dengan pengurusan pemasaran secara sistematik; dan
- iii) meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran produk dan perkhidmatan luar bandar.

Karnival yang pertama atau lebih dikenali sebagai Ekspo Desaneka Luar Bandar yang diadakan pada tahun 2006

mencatatkan penyertaan seramai 30 usahawan. Sebanyak 6 kali KUD telah diadakan dengan pencapaian yang menggalakkan setiap kali penganjuran. Prestasi terkini ditunjukkan melalui KUD 2015 dengan penglibatan seramai 729 usahawan. Bagi setiap penganjuran KUD, KKLW memberi ruang kepada usahawan baru menyertainya bagi membuka peluang kepada lebih ramai usahawan mempromosi, memasar dan memperkenalkan produk/perkhidmatan mereka.

(b) Jika dibandingkan Karnival yang pertama atau lebih dikenali sebagai Ekspo Desaneka Luar Bandar pada tahun 2006 dengan KUD 2015, penganjuran KUD telah mencatat pencapaian yang membanggakan seperti berikut:

- (i) nilai transaksi jualan meningkat daripada RM27,729 kepada RM4,197,768.;
- (ii) nilai tempahan meningkat daripada RM19,500 kepada RM2,249,467; dan
- (iii) jaringan perniagaan yang diwujudkan meningkat daripada 93 jaringan perniagaan kepada 11,189 jaringan perniagaan.

Secara umumnya, semua usahawan yang menyertai KUD telah berjaya mencatatkan jualan produk/perkhidmatan yang menggalakkan. Daripada analisa ini, boleh dirumuskan bahawa penganjuran KUD telah mengalami peningkatan yang amat ketara semenjak dimulakan pada tahun 2006. Program KUD ini terbukti membantu usahawan bagi memasarkan produk/ perkhidmatan mereka secara lebih meluas khususnya kepada pengguna di bandar serta memperluaskan jaringan perniagaan mereka. Program ini turut menyumbang kepada peningkatan potensi perniagaan produk/perkhidmatan luar bandar dan memberi peluang kepada pembangunan usahawan muda melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa KUD berlangsung.